

Uchapan Tahun Baharu bagi
Siaran Akhbar Tempatan.

Hari Ulang-tahun Merdeka tahun ini amat-lah besar arti-nya. Pertama-nya hari ini ada-lah suatu hari yang bersejarah yang tiada dapat di-lupakan kerana sudah tiga tahun lama-nya kita memerintah negara kita sendiri dan berganding bahu dengan negara2 lain yang bebas dalam dunia ini.

Dalam tahun ini juga kita telah berjaya menewaskan Komunis yang telah mengancham kita dengan kekuatan senjata bertahun2 lama-nya, menjadikan kebebasan kita tersekat, wang dalam Perbendaharaan kita susut, tenaga kita lemah dan kemajuan kita terganggu.

Dalam tahun ini juga kita mendapat peluang yang banyak. Oleh kerana kita sekarang sa-benar2-nya bebas mari-lah kita tegohkan kebebasan yang baharu kita dapati itu dengan bertenaga dan bersatu padu membena asas2 kemajuan yang sempurna dan berusaha bersungguh2 mendirikan suatu Negara yang boleh kita banggakan.

Ada tiga syarat yang besar bagi sa-suatu negara itu maju. Yang pertama mustahak-lah ada kemungkinan boleh maju; yang kedua Kerajaan hendak-lah membuat rancangan2 dengan sempurna; yang ketiga penduduk2 negara itu mesti-lah berusaha.

Berkenaan dengan syarat yang pertama itu banyak kemungkinan kita boleh maju. Tanah Melayu ini kaya dengan hasil mahsul yang menanti sahaja untuk di-ambil dan kaya dengan tanah yang menanti sahaja untuk di-usahakan.

Sharat yang kedua ia-lah Kerajaan hendak-lah membuat rancangan2 dengan sempurna; Kerajaan sudah pun membuat rancangan2 supaya usaha memajukan negeri ini dapat di-dahulukan daripada usaha2 yang lain terutama sa-kali usaha membangunkan Kawasan2 Luar Bandar. Kerajaan ber'azam akan menjalankan segala ikhtiar yang ia berkuasa menjalankannya hingga Jaya rancangan2-nya.

Tetapi kejayaan rancangan sa-suatu Negara ada-lah bergantung kepada usaha dan kemajuan ra'ayat negara itu dan oleh itu terpulang-lah kepada tiap2 orang ra'ayat Negara ini ber'azam akan berusaha dengan sa-daya upaya dan bekerja dengan tekun sa-tekun2-nya supaya Negara kita maju.

Merdeka juga memberi harapan pada masa yang akan datang. Tiap2 tahun pada hari ulang-tahun merdeka mari-lah kita tilek diri sendiri dan Negara kita dan mari-lah kita ber'azam hendak memajukan lagi Negara kita ini hingga anak chuchu kita berasa megah dengan-nya; dengan hal yang demikian bila mereka merayakan hari Merdeka pada masa kita sudah tiada lagi kelak mereka akan berkata dalam hati mereka yang kita tiada menghampakan mereka.

M E R D E K A !